



**MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**

Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan MARA  
50609 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel : 603-2613 2000  
Faks : 603-2691 3620  
Laman Web : [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my)

MARA.600-7/1/47 Jld.2(29)  
27 April 2026  
09 Zulkaedah 1447H

Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad  
Wisma Ungku A.Aziz,  
Jalan SS6/1, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN DAN PENGLIBATAN PERWAKILAN NEGERI DARI KOPERASI – KOPERASI SEKOLAH UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40 (MAPA 2026)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 21 April 2026 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MARA melalui Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program oleh pihak tuan. Pihak BPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti yang melibatkan koperasi terutamanya di MRSM seluruh Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak MARA melalui BPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta tiada halangan penglibatan perwakilan negeri dari koperasi-koperasi MRSM menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa Ke-40 2026 (MAPA 2026) secara fizikal atau dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting*. Namun yang demikian, terdapat beberapa perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti ini dan ianya adalah seperti berikut:

- 3.1. Semua wakil MRSM yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan Pegawai Mengawal Pusat (PMP) bagi menyertai mesyuarat ini;
- 3.2. Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;



ACB ABMS 01  
CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT.NO.: ABMS 00323

- 3.3 Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 Penyertaan perwakilan hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
- 3.5 Pihak MARA melalui BPM berhak menarik balik surat kebenaran ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.


4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Encik Muhamad Hafiz Bin Ahmad Nasir di talian 03-26134212 / 017-3445100 atau emel hafiz.nasir@mara.gov.my.

Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SHAHEIZAL BIN MOHD SADARI**  
Pengarah  
Bahagian Pendidikan Menengah  
b.p. Ketua Pengarah  
MARA